

**KELESTARIAN KEWANGAN SOSIAL GOLONGAN MISKIN RENTAN
MELALUI MEKANISME i-CSR BERASASKAN QARD
AL-HASAN**

**Norajila Che Man¹, Mohd Faizal P. Rameli, Wan Noor Hazlina Wan Jusoh, Nurul Hidayah
Mansor**

¹Pensyarah di Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Melaka

Corresponding author email: norajila.melaka@gmail.com.

Article History:

Received : 23 August 2021

Accepted : 29 October 2021

Published : 10 December 2021

ABSTRAK

Situasi pandemik COVID-19 yang melanda dunia telah memberi kesan kepada kegiatan ekonomi negara dan meningkatkan kadar golongan miskin rentan. Kesan sosial terhadap golongan miskin rentan lebih besar disebabkan ketidaksediaan mereka menjadi miskin. Perlunya mekanisme mapan bagi mencapai matlamat kebajikan sosial dan kesejahteraan ekonomi untuk golongan miskin rentan. Penawaran produk berasaskan Qard al-Hasan merupakan satu bentuk mekanisme agihan kekayaan yang boleh digunakan untuk mencapai kebajikan sosial dan kesejahteraan ekonomi. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan untuk melihat bentuk bantuan pembiayaan kepada golongan miskin rentan dan menganalisis potensi Qard al-Hasan sebagai mekanisme i-CSR yang holistik untuk kelestarian kewangan golongan miskin rentan. Kajian ini akan mengadaptasi kaedah kajian eksplorasi melalui kaedah temu bual dan analisis kandungan kajian terdahulu bagi memahami konsep i-CSR dan Qard al-Hasan. Hasil awal kajian mendapati aktiviti keusahawanan dapat membantu memperbaiki taraf hidup golongan miskin rentan. Justeru, penyediaan produk berasaskan Qard al-Hasan di bawah inisiatif i-CSR dapat membantu kelestarian kewangan sosial golongan miskin rentan ini.

Kata Kunci: *Qard al-Hasan, i-CSR, miskin rentan*

SOCIAL FINANCE SUSTAINABILITY FOR VULNARABLE GROUP THROUGH QARD AL-HASAN AS i-CSR MECHANISME

ABSTRACT

COVID-19 pandemic had affected the country's economic activities and increased the numbers of vulnerable group. The social impact on vulnerable groups becomes greater due to their unreadiness to become poor. Therefore, a well-established mechanism is needed to achieve social welfare goals and economic well-being for them. Those goals could be achieved by implementing Qard Hasan-based product as a form of wealth-driven mechanism. Thus, this study was conducted to understand and analyze Qard al-Hasan's potential as a holistic i-CSR mechanism for vulnerable group's financial sustainability. The data for this exploratory qualitative were collected through series of interview among scholars and industrial players. This study also adapts content analysis of previous studies to understand the concepts of i-CSR and Qard al-Hasan. Preliminary results of the study shows that entrepreneurial activity can improve the living standards of vulnerable group. Therefore, the provision of Qard al-Hasan-based products under i-CSR initiative can help the social financial sustainability of these vulnerable groups.

Keywords: *Qard al-Hasan, i-CSR, vulnerable group.*

PENDAHULUAN

Golongan rentan merujuk kepada golongan yang terdiri daripada wanita, warga emas, orang kelainan upaya (OKU), orang miskin, belia, pelarian atau imigran sebagaimana dinyatakan dalam *United Nation Electronic Government Development Index Survey (UNEG-DI)*. Golongan isi rumah rentan atau miskin rentan merupakan istilah baru yang digunakan bagi menggambarkan keadaan atau status seseorang yang berubah daripada mampu kepada tidak mampu tanpa mereka bersedia menghadapinya. Fenomena kemiskinan ini boleh berlaku ke atas penduduk di bandar, pinggir bandar atau luar bandar (Wan Noor Hayati, 2019). Pandemik COVID-19 yang melanda dunia ketika ini telah menyumbang kepada peningkatan golongan miskin rentan di Malaysia. Sebelum pandemik melanda, antara faktor yang menyebabkan golongan miskin rentan ini wujud ialah peningkatan kos sara hidup, diberhentikan kerja, kesihatan terjejas dan hilang upaya untuk bekerja. Penularan wabak COVID-19 telah memburukkan lagi keadaan. Lebih ramai pekerja hilang pekerjaan dan sumber pendapatan disebabkan oleh ketidakpastian ekonomi yang berlaku. Prof Dr Laily Paim, Pakar Ekonomi Penggunaan dari Universiti Putra Malaysia (UPM), menyatakan bahawa kesan sosial terhadap isi rumah rentan adalah lebih besar disebabkan ketidaksediaan mereka menjadi miskin berbanding golongan yang sedia miskin atau miskin tegar (Wan Noor Hayati, 2019). Ramai yang terjejas disebabkan oleh penutupan sementara ekonomi akibat Perintah Kawalan Pergerakan yang telah dilaksanakan semenjak Mac 2020. Berdasarkan laporan daripada Jobstreet.com, 2 juta rakyat Malaysia dijangka menganggur dan sebahagian yang lain berdepan risiko pengurangan gaji (Raja Noraina, 2020).

Pandemik COVID-19 telah memberi tamparan hebat kepada rakyat. Semua peringkat golongan dari B40 sehingga T20 terkesan dengan pandemik yang masih berlanjutan sehingga ke hari ini. Penularan wabak yang membawa kepada perintah kawalan pergerakan (PKP) memberi kesan yang besar terhadap pendapatan isi rumah seluruh dunia (Norfaizah & Fadilah, 2021). Situasi ini secara tidak langsung menyumbang kepada peningkatan golongan miskin rentan. Golongan miskin rentan boleh terdiri dari kumpulan masyarakat B40 atau M40 atau T20. Kumpulan masyarakat ini boleh terjerumus ke dalam kelompok miskin rentan disebabkan oleh kehilangan pekerjaan yang membawa kepada peningkatan kadar pengangguran dan kehilangan punca pendapatan (Nur Hasliza, 2020). Individu yang mempunyai hanya sedikit atau tiada langsung wang simpanan, golongan pekerja informal yang tidak dilindungi jaringan keselamatan sosial, mereka yang kehilangan kerja, atau terpaksa mengambil cuti tanpa gaji atau pemotongan gaji berikutan PKP yang dilaksanakan (World Bank Blogs, 2020) juga tergolong dalam kelompok miskin rentan.

Bagi mengatasi masalah kemiskinan dan miskin rentan, pelbagai usaha dilakukan oleh pihak kerajaan, syarikat-syarikat GLC, NGOs dan juga institusi perbankan. Antaranya ialah menggalakkan

aktiviti perniagaan dan keusahawanan terutamanya di dalam talian. Individu yang terjejas mula menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan bagi menampung kehidupan seharian. Kerajaan juga telah menyediakan pelbagai pakej rangsangan ekonomi yang bertujuan membantu golongan ini. Sebagai contoh Program Pemerksaan Ekonomi Komuniti Bandar (PKEB) di bawah inisiatif Pemerksa telah memperuntukkan sebanyak RM 21 juta kepada 900 orang peserta (Mahaizura, 2021) dan Program AZAM Bandar di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, 2017). Program ini bertujuan untuk melatih kemahiran keusahawanan agar golongan yang terjejas mampu untuk mengusahakan perniagaan yang boleh memberikan pendapatan dan secara tidak langsung boleh meningkatkan kualiti hidup mereka. Aktiviti perniagaan dan keusahawanan yang dijalankan sedikit sebanyak dapat membantu golongan ini memiliki pekerjaan sendiri dan mempunyai sumber pendapatan tanpa perlu mengharapkan peluang pekerjaan yang lain. Aktiviti perniagaan dan keusahawanan berupaya mengeluarkan seseorang individu dari kancan kemiskinan. Aktiviti perniagaan memainkan peranan yang besar dalam membasmi kemiskinan kerana dapat memberi peluang kepada golongan miskin dan kurang berkemampuan menjadi pekerja, pengeluar atau pengguna (Norhidayati Nadiha Mukri, 2017). Program yang berorientasikan keusahawanan dan aktiviti perniagaan dapat membantu golongan miskin rentan menambahkan pendapatan hingga akhirnya mereka berjaya keluar dari kemiskinan.

Perbankan Islam mempunyai peluang yang besar untuk membantu golongan miskin rentas meningkatkan taraf hidup mereka melalui pelaksanaan CSR. Institusi kewangan Islam khususnya perbankan Islam melaksanakan tanggungjawab sosial korporat bukan hanya untuk memperoleh manfaat ekonomi jangka panjang tetapi lebih kepada kepatuhan terhadap prinsip-prinsip Islam. Setiap entiti yang membawa nama Islam secara dasarnya perlu bertanggungjawab secara sosial sebagaimana dijustifikasikan di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Tiga prinsip asas utama dalam pembentukan tanggungjawab sosial korporat Islam (i-CSR) ialah khalifah/khilafah, tanggungjawab ketuhanan (*divine accountability*) dan amar makruf nahi mungkar. Ketiga-tiga prinsip ini menekankan bahawa setiap individu perlu melaksanakan tanggungjawab sosial masing-masing. Perbankan Islam sebagai salah satu organisasi yang mewakili individu tidak terlepas dari menunaikan tanggungjawab sosial mereka (Wan Noor Hazlina & Uzaimah, 2020).

Perbankan Islam ditubuhkan untuk mendapatkan keuntungan dalam masa yang sama bertanggungjawab meningkatkan kebajikan sosial sepanjang menjalankan operasi perniagaan. Oleh sebab itu perbankan Islam di seluruh dunia terlibat dengan aktiviti CSR bagi mengekalkan dan mengembangkan aktiviti perniagaan supaya dapat terus bertahan dan bersaing dengan perbankan konvensional (Muhammad Ashraf, Bushra Khan, & Rabia Tariq, 2017). Aktiviti CSR yang dilaksanakan meliputi bidang yang cukup luas seperti etika perniagaan, tadbir urus, pelaburan yang bertanggungjawab sosial, kemapanan alam sekitar dan pelaburan komuniti (Fathiyah & Mohd 'Atef, 2015).

Bagi menambah nilai dalam pelaksanaan CSR supaya lebih selari dengan matlamat ekonomi Islam, perbankan Islam boleh membantu golongan memerlukan termasuk miskin rentan melalui mekanisme i-CSR. Penyediaan produk-produk dan perkhidmatan yang bersesuaian dengan golongan ini merupakan tanggungjawab sosial yang digalakkan (*recommended CSR*) yang boleh dilaksanakan oleh bank Islam. Sarjana Islam seluruh dunia telah membahaskan bahawa keadilan sosial, kesaksamaan dan agihan semula pendapatan dan pembasmian kemiskinan boleh dicapai melalui instrumen zakat, wakaf dan Qard al-Hasan (Lukman, Ashok, & Ismail, 2014). Kertas kerja ini akan melihat potensi dan kesesuaian Qard al-Hasan dalam membasmi kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup masyarakat.

KAJIAN LEPAS

Konsep Tanggungjawab Sosial Korporat Islam (i-CSR)

Islam telah menyediakan garis panduan yang lengkap meliputi setiap aspek dan fasa kehidupan manusia samada aspek spiritual, perniagaan dan keadilan sosial (Adnan Khurshid, Al-Aali, Ali Soliman, & Mohamad Amin, 2014). Garis panduan ini terkandung berasaskan tiga elemen utama Islam iaitu akidah, syariah atau ibadah dan akhlak. Ketiga-tiga elemen ini membentuk syariah Islam sebagai titik utama pandangan hidup Islam (*worldview of Islam*). Bagi memahami konsep CSR dalam

Islam, seseorang itu perlu memahami syariah Islam dengan mendalam kerana syariah menyediakan satu set norma, nilai dan undang-undang yang perlu diikuti oleh umat manusia.

Secara umumnya konsep CSR telah tertanam dalam ajaran Islam berdasarkan dalil-dalil yang ada dalam al-Quran dan al-Sunnah. Walaupun konsep ini tidak dibincangkan secara khusus namun elemen-elemen pembentukan CSR telah dibincangkan sejak awal kedatangan Islam. Khutbah terakhir Nabi Muhammad SAW berkisar sepenuhnya tentang tanggungjawab sosial dan keadilan. Setiap individu dilarang menzalimi individu lain sama ada dari segi harta ataupun nyawanya. Harta yang dimiliki oleh setiap orang adalah hak miliknya sendiri dan Muslim adalah dilarang sama sekali mengambil hak tersebut tanpa sebarang alasan yang kukuh mengikut hukum syarak.

Selain itu, umat Islam dilarang mengambil hak orang lain secara tersembunyi melalui amalan riba yang banyak diamalkan sekarang. Ini kerana, amalan mengambil lebihan dari perniagaan ataupun pembiayaan merupakan satu bentuk rampasan terhadap harta yang dimiliki oleh seseorang individu yang akhirnya akan menindas dan menzalimi individu tersebut. Oleh sebab itu, amalan riba ini dilarang keras oleh Allah dan rasulnya. Amalan riba mewujudkan jurang yang luas antara golongan kaya dengan golongan miskin yang menyukarkan proses implementasi keadilan sosial dalam masyarakat. Islam telah menyediakan asas etika yang kukuh dalam menyokong pelaksanaan dan pengembangan tanggungjawab sosial korporat oleh perbankan Islam. Asas etika ini menjadi elemen pendorong penting pelaksanaan program CSR di perbankan Islam. Asas-asas etika tersebut adalah tauhid (Mohd Rizal, Rusnah, & Kamaruzaman, 2006), takwa (Azlinda Boheran Nudin, Che Su Mustaffa, & Mohd Khairie Ahmad, 2016), amanah (Azlinda Boheran Nudin et al., 2016; Jawed Akhtar, 2007), keadilan dan ukhuwwah (Surah al-Nahl 16:90).

Pelaksanaan CSR merupakan salah satu cara perbankan Islam memenuhi tanggungjawab sosial mereka. Perbankan Islam sebagai salah satu entiti perniagaan bertanggungjawab dalam memastikan matlamat kebajikan ekonomi dan keadilan sosial dipenuhi. Perubahan-perubahan seperti globalisasi, krisis ekonomi, inovasi dalam bidang kewangan dan kemunculan teknologi baru telah mengubah aktiviti perniagaan sektor perbankan (Musdiana, Mohamad Salleh, Nabsiah, & Abdul Wahid, 2012). Krisis kewangan yang berlaku secara dasarnya telah mengurangkan tahap keyakinan masyarakat atau pelanggan terhadap sistem kewangan. Situasi ini secara tidak langsung turut memberi kesan yang buruk kepada imej institusi kewangan. Bagi mengembalikan keyakinan masyarakat dan menaikkan kembali imej syarikat, institusi kewangan telah melibatkan diri secara aktif dalam pelaksanaan CSR (Musdiana et al., 2012).

Bursa Malaysia telah menyediakan kerangka CSR yang perlu diikuti oleh syarikat korporat. Berdasarkan kerangka ini, terdapat empat kategori aktiviti CSR yang telah dilaksanakan oleh institusi kewangan di Malaysia iaitu alam sekitar, persekitaran tempat kerja, masyarakat dan pasaran (Musdiana et al., 2012). Antara aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh institusi kewangan bagi kategori alam sekitar ialah kempen-kempen kesedaran berkaitan kitar semula, penanaman semula pokok, projek pemeliharaan dan pemuliharaan hutan, pengawalan pencemaran alam, pemeliharaan spesies haiwan terancam, membiayai projek-projek teknologi hijau dan sebagainya.

Selain itu, institusi kewangan dalam laporan CSR masing-masing turut memberi perhatian terhadap para pekerja mereka dengan menyediakan persekitaran tempat kerja yang baik. Persekitaran tempat kerja yang baik akan memberi manfaat kepada para pekerja sama ada dalam jangka masa pendek atau pun panjang. Antara bentuk aktiviti yang dilakukan di bawah kategori ini ialah menyediakan latihan kepada para pekerja, tajaan penyelidikan, penjagaan kesihatan dan keselamatan serta jaminan terhadap hak-hak pekerja (Musdiana et al., 2012).

Perbankan Islam amat digalakkan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti CSR dalam perniagaan mereka. Perbankan Islam ditubuhkan dengan tujuan memenuhi keperluan sosial dan bukan hanya untuk mendapatkan keuntungan. Antara contoh aktiviti-aktiviti CSR yang dilaksanakan oleh perbankan Islam ialah sumbangan (kewangan atau bukan kewangan), aktiviti kesukarelaan, penyediaan produk yang beretika, kempen-kempen kesedaran dan penjagaan alam sekitar (Bakar & Yusof, 2016; Musdiana et al., 2012; Sujana, 2013). Aktiviti CSR yang dijalankan ini secara tidak langsung memenuhi matlamat penubuhan perbankan Islam.

Terdapat dua sebab yang memerlukan perbankan Islam melaksanakan tanggungjawab sosial mereka. Menurut Farook (2007), perbankan Islam melaksanakan CSR bagi memenuhi tuntutan fardhu kifayah kepada umat Islam dan menjadi contoh teladan kepada masyarakat. Tuntutan fardhu kifayah memerlukan perbankan Islam untuk memenuhi ruang lingkup tanggungjawab yang lebih luas yang

tidak boleh tercapai oleh orang perseorangan. Dalam erti kata yang lain, perbankan Islam bertindak sebagai sebuah badan korporat yang mewakili individu melaksanakan aktiviti-aktiviti yang bersifat organisasi seperti pelaburan dan persyarikatan. Perbankan Islam sebagai sebuah entiti korporat mempunyai kemampuan untuk mempengaruhi keadilan pengagihan melalui transaksi-transaksi yang dilakukan.

Selain itu, bank Islam perlu terlibat secara aktif dalam aktiviti CSR sebagai satu cara memastikan kemandirian perniagaan mereka. Malah, sesetengah sarjana berpendapat bank Islam perlu menggunakan model bank sosial dalam melaksanakan CSR (Shifa, Ruzita, & Zizah, 2016). Tuhin (2014) menyatakan bahawa, bank Islam perlu memilih item yang betul untuk aktiviti CSR mereka bagi memastikan kelangsungan hidup perniagaan untuk jangka panjang. Para sarjana turut mencadangkan supaya CSR diintegrasikan dalam kerangka yang lebih luas bagi mencapai matlamat yang lebih holistik (Fatimah Noor Rashidah & Rusnah, 2016).

Perbankan Islam di Malaysia sememangnya aktif dalam melaksanakan program dan inisiatif CSR namun tahap amalan CSR di bank Islam masih belum mencukupi dan berbeza dengan objektif yang digariskan oleh ekonomi Islam (Fatimah Noor Rashidah & Rusnah, 2016). Kebanyakan bank Islam masih menumpukan aktiviti CSR dalam bentuk sumbangan sedangkan konsep CSR adalah lebih luas dan tidak bersifat material semata-mata. Pelaksanaan CSR bukan sekadar untuk menyalurkan dana yang bersifat sosial tetapi juga untuk tujuan agihan kekayaan sehingga dapat mewujudkan pemilikan bersama kekayaan antara pemegang taruh (Ali Syukron, 2015). Melalui pelaksanaan CSR, semua pemegang taruh mempunyai peluang untuk memiliki kekayaan melalui aktiviti-aktiviti CSR yang bersifat progresif dan holistik.

Perbankan Islam mempunyai potensi yang besar dalam mendidik individu dan masyarakat supaya mempraktikkan elemen keadilan dalam segenap aspek kehidupan berdasarkan kedudukannya sebagai sebuah institusi contoh. Tindakan yang dilakukan oleh perbankan Islam akan memberikan impak yang mendalam kepada individu, organisasi lain dan masyarakat secara amnya.

Konsep Qard al-Hasan dan Peranannya dalam Aktiviti Keusahawanan

Konsep hutang dalam Islam bukan bertujuan untuk mengaut keuntungan dari orang yang memerlukan. Sebaliknya konsep ini lebih menekankan aspek amal kebajikan. Islam amat menggalakkan aktiviti yang bersifat kebajikan dan kedermawanan kerana dalam setiap harta yang dimiliki ada hak orang lain di dalamnya (Hassan, 2010). Konsep pemberian pinjaman tanpa mengharapkan balasan (*interest-free loan*) tertakluk di bawah terma infaq iaitu pemberian kewangan atas dasar sukarela (Mohammad Abdullah, 2015) serta menguatkan ikatan persaudaraan antara kedua-dua pihak.

Prinsip muamalat Islam secara jelas mengharamkan sebarang bentuk pinjaman wang yang mempunyai faedah. Pinjaman berfaedah menjurus kepada penindasan dan ketidakadilan sehingga membebankan pihak yang berhutang. Justeru, Islam hanya membenarkan transaksi pemberian hutang atau pinjaman wang yang bebas daripada unsur riba dan mengutamakan kebajikan dan keadilan sosial yang dikenali sebagai Qard al-Hasan.

Allah S.W.T mengiktiraf orang yang memberikan pinjaman Qard al-Hasan dengan tujuan untuk meringankan beban orang yang memerlukan. Tindakan tersebut diibaratkan seumpama memberi pinjaman ke jalan Allah S.W.T. Dalil-dalil daripada al-Quran (al-Baqarah 2:245,280,282, al-Maidah 5:12, al-Hadid 57:11,18, al-Taghabun 64:17, al-Muzammil 73:20) dan al-Sunnah (al-Bukhari hadis no 2054 dan ibn Majah hadis no 2430, 2431) mengenai kelebihan dan kebaikan memberi pinjaman kepada yang memerlukan menunjukkan bahawa Islam merupakan satu agama yang menyediakan ruang dan jalan penyelesaian terhadap kesulitan yang dihadapi oleh umat manusia. Ini selaras dengan prinsip utama yang mendasari akad Qard iaitu *ta'awun* (bantu-membantu) sesama insan.

Perbankan Islam di Indonesia telah berada selangkah ke hadapan daripada Malaysia dalam menawarkan produk Qard al-Hasan di bawah inisiatif CSR. Kebanyakan institusi kewangan Islam di Indonesia atau dikenali juga sebagai perbankan Syariah, menawarkan Qard al-Hasan sebagai salah satu produk kewangan bersama-sama dengan pembiayaan lain seperti *musyarakah*, *mudharabah*, *ijarah*, *rahn* dan sebagainya. Muh Awal Satrio (2015) berpendapat, Lembaga Keuangan Syariah yang telah menawarkan Qard al-Hasan dianggap telah melaksanakan CSR dalam operasi perniagaan mereka. Perbankan Islam di Indonesia juga telah melaksanakan CSR menggunakan dana yang diperoleh dari zakat dan Qard al-Hasan (Ach Baihaki & Evi Malia, 2017; Dwi Rahayu, 2017). Masyarakat Islam di Indonesia pada kebiasaannya mengagihkan zakat mereka tanpa melalui institusi

zakat. Disebabkan kebiasaan ini, pembiayaan Qard al-Hasan boleh diletakkan di bawah program CSR sekali gus dapat mengubah pola penyaluran dana berbentuk sosial (infak, sedekah, Qard al-Hasan) dari bentuk hibah kepada bentuk yang lebih produktif (Ach Baihaki & Evi Malia, 2017; Dedi Riswandi, 2015).

Sektor perniagaan kini dilihat semakin menjadi pilihan rakyat Malaysia, terutamanya golongan muda. Ini kerana pendekatan kerajaan dalam memperkasakan sektor perniagaan dalam kalangan rakyat tempatan melalui perancangan dasar dan program-program yang dirancang telah menunjukkan penglibatan rakyat tempatan dalam keusahawanan semakin positif. Krisis pandemik COVID-19 yang melanda negara ketika ini telah membuka peluang kepada ramai usahawan mikro khususnya untuk melibatkan diri dan menggunakan platform atas talian untuk menjalankan perniagaan. Begitu juga bagi sesetengah rakyat yang telah hilang pekerjaan akibat krisis ekonomi yang melanda dunia ketika ini.

Namun dalam sesebuah perniagaan, modal menjadi perkara utama yang perlu difikirkan oleh usahawan kerana modal merupakan sumber yang asas bagi menubuhkan atau memulakan sesebuah perniagaan. Sesetengah pihak yang tidak menghadapi masalah modal berkemungkinan besar dapat bertahan dalam sektor tersebut. Namun sebaliknya berbeza dengan pihak yang kekurangan modal apungan yang besar atau masih baru dalam bidang ini. Mereka akan berusaha mencari jalan untuk mendapatkan modal bagi meneruskan atau merealisasikan impian untuk menceburi bidang perniagaan. Di Malaysia, terdapat banyak inisiatif modal berbentuk kewangan dan bukan kewangan yang dibangunkan oleh kerajaan atau bukan kerajaan untuk membantu usahawan-usahawan tempatan serta menggalakkan pengeluaran yang lebih kreatif serta produktif agar boleh dieksport sehingga ke peringkat antarabangsa.

Kajian Salimah Yahaya (2021) dan A.M. Sultana, Nurul Syafiqah Arifin & Jamil Osman Juraini, (2015) turut melihat bahawa isu untuk mendapatkan modal atau mana-mana pembiayaan modal merupakan isu paling utama yang sering dihadapi oleh usahawan. Kesukaran sumber ini termasuklah pembiayaan dari institusi kewangan konvensional mahupun Islam. Menurut Nadiah Nabilah Baharum, (2014) kesukaran untuk mendapatkan sumber pembiayaan modal melalui institusi perbankan berlaku ekoran daripada akta perbankan yang ketat mengenai prosedur pembiayaan. Begitu juga kajian oleh Abayomi Al-Ameen, (2016) mendapati kesukaran ini berlaku akibat jenis perniagaan yang berskala kecil agak sukar mendapat kepercayaan daripada institusi kewangan akibat faktor tiada jaminan bayaran balik daripada peminjam atau pemohon pembiayaan.

Selain itu, Salimah Yahaya, (2017) mengatakan bahawa kesukaran mendapatkan pembiayaan modal juga berlaku akibat kelemahan perkhidmatan daripada institusi kredit mikro seperti sentimen birokrasi, syarat-syarat pinjaman yang terlalu ketat, beban kadar faedah pinjaman yang tinggi, keperluan kepada cagaran yang bernilai tinggi, keperluan kepada penjamin serta kesukaran untuk membuat pembayaran balik pinjaman. Kesukaran mendapatkan pembiayaan modal yang berlandaskan h merupakan isu yang banyak dihadapi oleh usahawan Muslim khususnya. Salimah Yahaya (2021) mendapati kesukaran ini memberi impak sehingga ramai usahawan terlibat dengan pinjaman mikro kredit daripada institusi kewangan dan perbankan konvensional yang mengamalkan riba yang jelas bertentangan dengan prinsip muamalat Islam. Selain itu, kesukaran ini juga turut dikaitkan dengan penawaran sumber pembiayaan kredit yang terhad seperti mana kajian oleh Elsadig Musa Ahmed & Anwar Ammar, (2015) dan Aliyu Dahiru Mohammed & Zubair Hasan, (2008).

Perniagaan mikro di Malaysia mempunyai peranan penting kepada negara kerana turut signifikan memberi nilai tambah dalam keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negara. Bidang ini turut penting dalam mencipta peluang pekerjaan kepada ramai rakyat tempatan dan secara langsung membantu dalam peningkatan pendapatan. Kajian Zafar & Mustafa (2017) melihat sumbangan yang besar melalui sektor perniagaan kecil dan sederhana (PKS) ini turut dapat menyumbang kepada pengurangan kadar kemiskinan Negara.

Justeru, kepelbagaian penyediaan sumber luaran sebagai pembiayaan modal kepada usahawan menjadi elemen penting kepada pemerksaan sektor ini. Sumber pembiayaan luaran sedia ada yang disediakan meliputi bank, institusi kewangan dan agensi kerajaan dapat membantu para usahawan mikro untuk berdaya tahan dalam menjalankan perniagaan. Peranan badan atau agensi-agensi kerajaan seperti AGRO, MARA dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) dalam memberikan bantuan modal wajar diteruskan dan diperkasakan agar penyaluran modal tersebut dapat dikembangkan sehingga melahirkan ramai usahawan mikro yang berjaya.

Terkesan akibat krisis ekonomi masa kini, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) juga turut memainkan peranan dalam menyediakan bantuan kepada usahawan yang terjejas akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dengan mengambil langkah membantu para usahawan untuk memulakan semula perniagaan dengan produk atau perkhidmatan baharu. Tidak dinafikan juga peranan Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) dalam memberikan jaminan kepada usahawan yang menghadapi kesukaran untuk mendapat pembiayaan daripada mana-mana bank dan MOSTI yang turut menjadi tunggak kepada sektor keusahawanan melalui penyaluran dana untuk tujuan pembangunan dan penyelidikan (R&D). Pembiayaan Pengukuhan PKS (SMERF) yang turut diwujudkan adalah merupakan skim pembiayaan di bawah Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) oleh kerajaan yang disalurkan melalui SME Corp dan dilaksanakan oleh MIDF. Pembiayaan ini bertujuan untuk memudah cara PKS yang berdaya maju tetapi menghadapi kekangan kewangan atau sektor yang terpinggir untuk kekal berdaya tahan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini mengadaptasi kaedah kajian eksplorasi melalui kaedah temu bual dan analisis kandungan kajian terdahulu bagi memahami konsep CSR, i-CSR dan Qard al-Hasan. Dalam kajian ini, data-data primer dan sekunder di kumpul melalui kaedah temu bual dan penelitian terhadap kajian lepas yang berkaitan dengan CSR, i-CSR dan Qard al-Hasan (tesis, artikel, jurnal, laporan tahunan perbankan Islam dan laman web perbankan Islam). Kaedah temu bual separa berstruktur dilakukan berdasarkan soalan-soalan mengikut tema yang telah dikenal pasti dari sorotan kajian lepas. Informan yang dipilih untuk ditemu bual dipilih berdasarkan kaedah pensampelan bertujuan (*purposive samples*). Seramai 6 orang informan (i-1, i-2, i-3, i-4, i-5 dan i-6) telah ditemu bual bagi mendapatkan data berkaitan CSR, i-CSR dan Qard al-Hasan. Informan yang dipilih terdiri daripada ahli akademik dan pemain industri yang berautoriti dalam memberikan pandangan mereka.

Kaedah analisis kandungan digunakan bagi menganalisis data yang diperolehi. Data yang diperolehi melalui kajian dokumentasi dan temu bual akan dianalisis menggunakan perisian Atlas.ti version 8. Data temu bual yang telah ditranskrip diasingkan mengikut kategori tema yang telah ditetapkan. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan analisis kandungan berdasarkan perkataan (*word-based content analysis*) dan pendekatan berasaskan kod (*code based approach*). Antara kod yang ditetapkan untuk mendapatkan data berkaitan ialah pelaksanaan CSR dan i-CSR oleh perbankan Islam, bentuk pembiayaan berasaskan Qard al-Hasan untuk golongan miskin rentan dan potensi Qard al-Hasan sebagai mekanisme i-CSR.

DAPATAN KAJIAN

Oleh kerana kajian ini menjadikan persoalan kajian sebagai asas pembinaan kod maka kajian ini dianalisis menggunakan metode deduktif. Data umum berkaitan CSR, i-CSR, dan Qard al-Hasan dianalisis bagi mendapatkan kod-kod yang lebih spesifik (pelaksanaan di perbankan Islam, aplikasi dalam aktiviti keusahawanan dan pembiayaan untuk golongan miskin rentan). Melalui metode induktif, data khusus yang diperolehi memberikan kesimpulan bersifat umum kepada kajian yang dilakukan. Penelitian dan pengkodan terhadap kajian lepas dan temu bual bersama informan dilakukan menggunakan Atlas.ti bagi mendapatkan lapisan data berkaitan i-CSR dan Qard al-Hasan.

Seramai enam orang informan telah ditemu bual dalam kajian ini. Empat orang informan terdiri daripada ahli akademik yang juga penasihat syariah bagi perbankan Islam terpilih dan dua informan adalah eksekutif bank yang terlibat secara langsung dengan pengoperasian bank. Sebanyak tiga (3) soalan telah dikemukakan kepada informan iaitu:

- i) Pandangan tuan/puan mengenai CSR/i-CSR di perbankan Islam.
- ii) Bagaimanakah pembiayaan berasaskan Qard al-Hasan boleh membantu golongan miskin rentan?
- iii) Adakah Qard al-Hasan berpotensi menjadi mekanisme i-CSR di perbankan Islam?

Hasil penelitian yang dilakukan dibincangkan dalam bahagian berikutnya.

CSR dan i-CSR di Perbankan Islam

Hasil penelitian yang dilakukan, CSR merupakan antara agenda bank dalam meningkatkan kebajikan sosioekonomi masyarakat.

“Bank Islam turut melihat kepada *share prosperity* supaya kelompok-kelompok yang ada, dapat berkongsi kekayaan di negara ini dalam kemampuan Bank Islam” (i-6).

“Jadi CSR ini adalah satu ruang dan peluang untuk kita melaksanakan kerja kita sebagai khalifah Allah” (i-3).

Aktiviti CSR yang dilakukan di perbankan Islam bukan sekadar untuk memberi sumbangan, bahkan lebih kepada menjalankan tanggungjawab sebagai seorang Muslim. Keprihatinan dan kecaknaan terhadap keadaan semasa masyarakat di samping galakan dari agama melalui elemen tauhid, amanah, adil, dan ukhuwah merupakan pendorong kepada pelaksanaan i-CSR oleh perbankan Islam (i-3).

Pelaksanaan CSR/i-CSR di setiap perbankan Islam secara umumnya melibatkan pemberian dan inisiatif berbentuk kewangan dan juga bukan kewangan (i-1, i-3, i-5 dan i-6). Setiap bank juga mempunyai pemegang taruh yang berbeza dan khusus mengikut bank masing-masing (i-1). Contoh pelaksanaan CSR boleh dilihat seperti berikut:

Jadual 1: Pelaksanaan CSR/i-CSR

PROJEK DAN INISIATIF CSR/i-CSR	INFORMAN
Mywakaf (Affin Bank) = Pembelian rumah untuk disewakan. Hasil sewaan akan diwakafkan untuk kegunaan hospital dan lain-lain.	i-1
Bantuan kepada pesara tentera, pekerja dan ahli keluarga	i-1
Sadaqa House (Bank Islam) = Bantuan pembiayaan kepada pelanggan <i>unbankable</i>	i-3 & i-6
Sumbangan berbentuk barangan dan wang ringgit kepada pemegang taruh yang memerlukan	i-4
Bantuan modal kepada usahawan kecil	i-4
Bantuan dan sumbangan kewangan kepada persatuan bekas tentera (membuat anggota palsu), pusat dialisis, dan pembinaan rumah anak yatim	i-5

Bentuk Pembiayaan berasaskan Qard al-Hasan kepada Golongan Miskin Rentan

Secara umumnya, al-Qard merupakan antara prinsip yang diguna pakai dalam pembentukan produk di perbankan Islam. Konsep asas pinjaman Qard bukan sekadar pemberian sebagai mana difahami oleh kebanyakan orang, tetapi mewajibkan peminjam untuk membayar balik pinjaman tersebut (i-6). Namun, sifat al-Hasan yang membezakan bentuk pinjaman tersebut (i-3). Qard al-Hasan merujuk kepada pinjaman berbentuk kebajikan yang diberikan oleh perbankan Islam kepada para pelanggan terutamanya usahawan mikro dan golongan miskin rentan (*unbankable customer*) tanpa sebarang tambahan ke atas pinjaman (i-1, i-4, i-5 dan i-6).

Pembiayaan dana Qard al-Hasan ini adalah bertujuan untuk membantu golongan miskin rentan memulakan perniagaan di peringkat mikro bagi membolehkan mereka memperoleh pendapatan untuk belanja seharian. Sebagai contoh, Bank Islam Malaysia Berhad di bawah Sadaqa House telah menyediakan pembiayaan mikro BangKIT bagi membantu golongan miskin rentan mendapat pembiayaan (i-6). Pembiayaan Mikro BangKIT adalah program yang menyediakan pembiayaan mikro mampu milik kepada segmen masyarakat yang kurang berkemampuan dan tidak layak memohon kemudahan pembiayaan perbankan biasa tetapi memerlukan modal kerja dan/atau pembiayaan untuk perbelanjaan modal. Melalui pembiayaan mikro BangKIT, peminjam tidak hanya menerima bantuan kewangan bahkan juga turut diberikan latihan perniagaan berbentuk praktikal di samping mentor yang berkebolehan bagi membantu mereka mengembangkan perniagaan dan mengekalkannya (Bank Islam Malaysia Berhad, 2021).

Selain itu, Bank Muamalat Malaysia Berhad dan Al-Rajhi Bank juga pernah menawarkan produk berasaskan Qard al-Hasan kepada individu atau usahawan mikro yang memerlukan pembiayaan (i-4 dan i-5) yang lazimnya mengalami kesukaran untuk mendapatkan pembiayaan berasaskan kontrak komersial yang lain (i-6). Melalui akad Qard al-Hasan, golongan rentan berpeluang mendapat pembiayaan dengan lebih mudah dan tidak membebankan mereka.

Potensi Qard al-Hasan sebagai Mekanisme i-CSR

Qard al-Hasan mempunyai potensi untuk diintegrasikan sebagai salah satu instrumen pelaksanaan i-CSR oleh perbankan Islam. Perkara ini turut diakui oleh lima dari enam orang informan yang ditemu bual. Mereka bersetuju dengan potensi Qard al-Hasan dalam membantu golongan *unbankable* mendapat pembiayaan di bawah inisiatif i-CSR.

Secara umumnya, prinsip Qard al-Hasan bertujuan untuk kebaikan dan kebajikan jadi prinsip ini boleh diintegrasikan ke dalam elemen i-CSR (i-1, i-2, i-3, i-4 dan i-6). Pada dasarnya, Qard adalah kontrak yang mengikat antara dua pihak, dan Hasan merupakan sifat bagi kontrak tersebut (i-3). Sekiranya pemberi pinjaman memberi pinjaman atas sebab kebajikan dan bukannya komersial, kontrak tersebut secara asasnya adalah akad Qard al-Hasan.

Pinjaman kebajikan yang diberikan bertujuan membantu golongan rentan memperoleh pembiayaan dari bank Islam dengan lebih mudah berbanding pinjaman bersifat komersial (i-6). Oleh kerana asas akadnya adalah pinjaman (qard), maka para peminjam masih perlu membayar semula pinjaman tersebut. Namun tiada sebarang tambahan dikenakan atas pinjaman tersebut dan pihak bank tidak terlalu menekan peminjam dengan pinjaman tersebut (i-3, i-4, dan i-6). Sifat kebajikan yang ada dalam kontrak Qard al-Hasan ini menjadikan ianya sesuai untuk diletakkan di bawah inisiatif i-CSR bank dan bukannya produk komersial bank.

Berdasarkan perbincangan di atas, secara dasarnya prinsip Qard al-Hasan boleh dijadikan salah satu inisiatif i-CSR di perbankan Islam. Pelaksanaan i-CSR tidak hanya melibatkan aspek pemberian sumbangan semata-mata, bahkan perlu dilihat dalam konteks yang lebih luas dan holistik. Pengintegrasian prinsip Qard al-Hasan dalam inisiatif i-CSR memberi peluang kepada golongan miskin rentan mengubah serta mengembangkan hidup mereka ke tahap yang lebih baik.

PENUTUP

Pelaksanaan i-CSR oleh perbankan Islam perlu diperluaskan dan tidak hanya tertumpu kepada aspek sumbangan dan derma secara *one-off* sahaja. Inisiatif-inisiatif yang lebih bersifat produktif perlu dikembangkan bagi memastikan manfaat i-CSR dapat dirasai oleh seluruh pemegang taruh bank. Pelaksanaan CSR bukan sekadar untuk menyalurkan dana yang bersifat sosial tetapi juga untuk tujuan agihan kekayaan sehingga dapat mewujudkan pemilikan bersama kekayaan antara pemegang taruh. Pelaksanaan CSR seharusnya mampu untuk menambah nilai dalam kehidupan pemegang taruh.

Cabaran yang dihadapi oleh golongan miskin rentan terutamanya dilihat sebagai satu aspek penting yang perlu diambil perhatian oleh pelbagai institusi kewangan dalam menyediakan sumber pembiayaan modal kepada usahawan. Produk yang berasaskan prinsip Qard al-Hasan berpotensi menjadi satu alternatif yang baik untuk memberikan peluang kepada ramai usahawan mikro tempatan khususnya untuk terus bergiat dan maju dalam perniagaan. Penyediaan pembiayaan modal berasaskan Qard al-Hasan dilihat merupakan satu strategi yang sangat bertepatan dengan keperluan usahawan mikro kerana asas prinsip Qard al-Hasan yang tidak akan membebankan pemohon untuk membayar balik dengan syarat tambahan pulangan yang tinggi kepada pemberi pembiayaan. Melalui prinsip ini juga ramai usahawan muda atau usahawan yang terjejas akibat krisis ekonomi COVID-19 boleh mendapat peluang untuk terus bertahan dalam perniagaan.

Justeru, prinsip Qard al-Hasan perlu diperkasakan dan dilaksanakan dalam kerangka yang lebih mapan. Qard al-Hasan merupakan salah satu instrumen kebajikan dalam Islam selain zakat, wakaf dan sedekah yang boleh digunakan untuk memenuhi matlamat keadilan sosial. Penyediaan produk pembiayaan berasaskan Qard al-Hasan dapat memenuhi keperluan sosial masyarakat setempat dan menjadi salah satu cara perbankan Islam melaksanakan tanggungjawab sosial mereka.

RUJUKAN

- Abayomi Al-Ameen. (2016). Implementing Islamic Microfinance in Nigeria: A Matter of Equity and Social Justice. *Journal of Sustainable, Development, Law and Policy*, 7(2), 211-246
- Ach Baihaki, & Evi Malia. (2017). Analisis Pembiayaan Qardhul Hasan Sebagai Aplikasi Corporate Social Responsibility Entitas Lembaga Keuangan Syari'ah. *Wacana Equilibrium*.
- Adnan Khurshid, M., Al-Aali, A., Ali Soliman, A., & Mohamad Amin, S. (2014). Developing an Islamic corporate social responsibility model (ICSR). *Competitiveness Review*, 24, 258-274. <https://doi.org/10.1108/CR-01-2013-0004>
- Ali Syukron. (2015). CSR dalam Perspektif Islam dan Perbankan. *Jurnal Ekonomi Dan Hukum Islam*, 5(1), 1-22.
- Azlinda Boheran Nudin, Che Su Mustaffa, & Mohd Khairie Ahmad. (2016). Konsep Tanggungjawab Sosial Korporat Bercirikan Islam: Analisis Pandangan Ulama di Malaysia. *Management Research Journal*, 6(1), 8-21.
- Bakar, F. A., & Yusof, M. A. M. (2016). Managing CSR initiatives from the Islamic perspective: The case of Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). *Jurnal Pengurusan*, 46.
- Bank Islam Malaysia Berhad. (2021). Pembiayaan Mikro BangKIT – Bank Islam Malaysia Berhad. Retrieved August 11, 2021, from Bank Islam Malaysia Berhad website: <https://www.bankislam.com/corporate-info/social-finance-bank-islam/pembiayaan-mikro-bangkit/>
- Dedi Riswandi. (2015). Pembiayaan Qardul Hasan di Bank Syariah Mandiri Kota Mataram. In *Jurnal Hukum Islam IAIN Mataram* (Vol. 14). Retrieved from <https://media.neliti.com/media/publications/41843-ID-pembiayaan-qardul-hasan-di-bank-syariah-mandiri-kota-mataram.pdf>
- Dwi Rahayu. (2017). *Analisis Pembiayaan Qardhul Hasan dalam Rangka Mewujudkan Good Corporate Governance di BMT Syamil Ampel* (Institut Agama Islam Salatiga). Retrieved from [http://e-repository.perpus.iainsalatiga.ac.id/2470/1/TA DWI RAHAYU 201-14-034.pdf](http://e-repository.perpus.iainsalatiga.ac.id/2470/1/TA%20DWI%20RAHAYU%20201-14-034.pdf)
- Farook, S. (2007). On corporate social responsibility of Islamic financial institutions. *Islamic Economic Studies*, 15(1), 31-46. <https://doi.org/10.1002/csr.132>
- Fathiyyah, A. B., & Mohd 'Atef, Y. (2015). Islamic Concept of Corporate Social Responsibility (CSR) From The Perspective of CSR Players at Bank Islam Malaysia Berhad. *International Conference on Accounting Studies*, (August), 120-127. Retrieved from www.icas.my
- Fatimah Noor Rashidah, M. S., & Rusnah, M. (2016). Corporate Social Responsibility (CSR) and Islamic Banks : A Synthesis of Literature Review. *International Conference on Accounting Studies (ICAS)*, (August). <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2013.04.058>
- Hassan, M. K. (2010). An Integrated Poverty Alleviation Model Combining Zakat, Awqaf and Micro-Finance. In Abdul Ghafar Ismail, Mohd Ezani Mat Hassan, Norazman Ismail, & Shahida Shahimi (Eds.), *Proceedings of Seventh International Conference The Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy* (pp. 261-282). <https://doi.org/10.1109/INCOS.2010.100>
- Jawed Akhtar, M. (2007). Corporate Social Responsibility in Islam. <https://doi.org/10.1108/17471110910939999>
- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. (2017). Portal Rasmi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Retrieved August 9, 2021, from Portal Rasmi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan website: <https://www.kpkt.gov.my/index.php/pages/view/544>
- Lukman, R., Ashok, P., & Ismail, A. (2014). Corporate Social Responsibility , Waqf System and Zakat System as Faith-based Model for Poverty Reduction. *World Journal of Entrepreneurship, Management and Sustainable Development*, 10(3), 228-242. <https://doi.org/10.1108/WJEMSD-09-2013-0052>

- Mahaizura, A. M. (2021). Ringan Beban Miskin Bandar. Retrieved August 9, 2021, from Harian Metro website: <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/04/698789/ringan-beban-rentan-bandar>
- Mohammad Abdullah. (2015). Analysing the moral aspect of qard: a shariah perspective Analysing the moral aspect of qard: a shariah perspective. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*.
- Mohd Rizal, M., Rusnah, M., & Kamaruzaman, N. (2006). Corporate social responsibility disclosure: A tawhidic approach. *Jurnal Syariah*, 14(1), 125–142.
- Muh Awal, S. (2015). Qardhul Hasan Sebagai Wujud Pelaksanaan CSR dan Kegiatan Filantropi Lembaga Keuangan Syariah untuk Pemberdayaan Masyarakat. *Jurnal Kajian Bisnis*, 23(2), 104–111. Retrieved from <http://jurnal.stieww.ac.id/index.php/jkb/article/view/207/197>
- Muhammad Ashraf, Bushra Khan, & Rabia Tariq. (2017). Corporate Social Responsibility Impact on Financial Performance of Bank's: Evidence from Asian Countries. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(4), 2222–6990. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v7-i4/2837>
- Musdiana, Mohamad Salleh, Nabsiah, & Abdul Wahid. (2012). Corporate Social Responsibility (CSR) in Malaysian Banking Industry: An Analysis through Website of Six Banking Institutions. *Elixir Marketing Management*, 50, 10225–10234.
- Norfaizah, O., & Fadilah, M. N. (2021). *Konsep Kewangan Islam Dalam Pembangunan Ekonomi Malaysia Semasa Pandemik Covid-19 the Concept of Islamic Finance in Economic of Malaysia Development During the Pandemic of Covid-19*. 14(I), 176–193.
- Norhidayati Nadiha Mukri. (2017). Potensi dan Peranan Program Berorientasikan Perniagaan dan Keusahawanan dalam Membasmi Kemiskinan di Malaysia. In *Social Sciences Postgraduate International Seminar (SSPIS)* (pp. 684–691). Retrieved from http://eprints.usm.my/41162/1/ART_94.pdf
- Nur Hasliza, M. S. (2020). Covid-19 lahirkan golongan 'miskin baru', kata ahli ekonomi | MalaysiaNow. Retrieved August 9, 2021, from Malaysia Now website: <https://www.malaysianow.com/berita/2020/12/09/covid-19-lahirkan-golongan-miskin-baru-kata-ahli-ekonomi/>
- Raja Noraina, R. I. (2020). Lebih dua juta dijangka menganggur | Harian Metro.
- Shifa, M. N., Ruzita, A. R., & Zizah, C. S. (2016). The Potentials of Internalising Social Banking among the Malaysian Islamic Banks. *Environment, Development and Sustainability*, 18(2), 347–372. <https://doi.org/10.1007/s10668-015-9651-0>
- Sujana, A. (2013). Corporate Social Responsibility in Malaysian Banks: Offering Islamic Banking. *Journal.Sapub.Org/Mm*, 3(7), 434–439. <https://doi.org/10.5923/j.mm.20130307.14>
- Wan Noor Hayati, W. A. (2019). Faktor Semasa Tingkat Miskin Rentan. Retrieved February 6, 2021, from BH Online website: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/04/548333/faktor-semasa-tingkat-miskin-rentan>
- Wan Noor Hazlina, W. J., & Uzaimah, I. (2020). Corporate social responsibility of Islamic banks: Malaysian practitioners' outlook. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 11(3), 889–904. <https://doi.org/10.1108/JIABR-03-2017-0042>
- World Bank Blogs. (2020). Golongan rentan rebah miskin bahana pandemik. Retrieved August 9, 2021, from Worldbank.org website: <https://blogs.worldbank.org/ms/eastasiapacific/golongan-rentan-rebah-miskin-bahana-pandemik>
- TEKUN Nasional. <https://www.tekun.gov.my/ms/>. Akses pada 31 Julai 2021.
- Majlis Amanah Rakyat. <https://www.mara.gov.my/>. Akses pada 31 Julai 2021.
- Powering Malaysian SMEs. <https://cgc.com.my/>. Akses pada 31 Julai 2021.

Malaysia Sciences and Technology Centre. <https://mastic.mosti.gov.my/>. Akses pada 31 Julai 2021.

Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA). SME Revitalisation Financing (SMERF). <https://belanjawan2021.treasury.gov.my/manfaat/index.php/en/pemerakasa-smerf-en>. Akses pada 31 Julai 2021.